

12/01/2003

Proses peralihan kuasa perlu babitkan golongan muda

Jamhariah Jaafar

PERALIHAN kuasa daripada kepemimpinan lama kepada barisan baru kini semakin terasa. Bermula daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri yang bertegas akan berundur secara rasmi pada Oktober ini, pengumuman Presiden MCA, Datuk Seri Ling Liong Sik, yang mentadbir parti terbesar Cina selama dua dekad itu juga adalah isyarat jelas bahawa

kepemimpinan dalam Umno dan komponen Barisan Nasional (BN) bakal melalui perubahan besar sebelum 2004.

Ikuti wawancara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR dengan Pengerusi Biro Pembelaan Masyarakat Pemuda Umno, Ismail Sabri Yaakob, lulusan undang-undang Universiti Malaya, mengenai `perubahan angin' yang sedang bertiup kencang dan kini membuka laluan untuk golongan muda mula meluahkan isi hati sebenar mereka.

BAGAIMANA anda melihat senario politik sekarang. Selepas Perdana Menteri

mengumumkan keputusan untuk bersara pada Oktober ini, seorang lagi pemimpin lama komponen BN turut melahirkan hasrat meletak jawatan untuk memberi laluan kepada orang lain selepas menjadi pemimpin begitu lama.

Perubahan adalah perkara yang natural, baik dalam politik atau pertubuhan peralihan kuasa pasti akan berlaku... cuma persoalannya cepat ataupun lambat. Kalau kita tengok bukan sahaja di Malaysia bahkan di semua

negara lain di dunia peralihan kuasa walau berapa lama seseorang itu memerintah satu hari peralihan kuasa pasti akan berlaku.

Yang lama tidak boleh melihat bahawa golongan muda ini sebagai satu ancaman kepada mereka. Kalau kita hendak negara stabil dan maju kita mesti

bersedia, kerana orang yang memegang kuasa sekarang ini pun suatu masa dulu pernah muda dan menerima kuasa daripada golongan tua daripada dia. Jadi apabila tiba masanya mereka juga akan berbuat perkara yang sama iaitu

menyerahkan kuasa kepada golongan lain... baik secara sukarela atau sebaliknya. Jadi, sepatutnya golongan pentadbir yang berpengalaman menyediakan dan bersedia untuk melepaskan kuasa mereka kepada golongan pelapis kerana walau apapun keadaan mereka juga pasti sedar akan hakikat bahawa mereka tidak boleh terus berkuasa selama-lamanya.

Perlu ada penyediaan bagi pihak mereka bagi memastikan golongan muda yang mengambil alih kuasa itu kelak turut sudah bersedia dan mempunyai pengalaman dan kematangan yang cukup untuk menggantikan mereka.

Saya nampak di Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menunjukkan contoh terbaik kerana walaupun kepimpinannya masih diperlukan

tapi beliau sendiri berasa sudah tiba masanya untuk beliau mengundurkan diri dan melepaskan jawatan kepada barisan pelapisnya. Dan beberapa pelantikan terutama yang mutakhir turut memberi petanda baik terhadap usaha Perdana Menteri untuk melepaskan peralihan kuasa kepada generasi muda.

Pelantikan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis sebagai Menteri Kewangan adalah

pengiktirafan kepada kepimpinan generasi baru. Ini adalah petanda dan signal kepada semua pemimpin lama baik dalam Umno mahupun dalam parti komponen bahawa mereka juga perlu bersedia untuk melepaskan kuasa yang ada

kerana negara ini memerlukan suntikan darah baru.

Mungkin Perdana Menteri atau Presiden MCA, Datuk Seri Ling Liong Sik mampu berbuat demikian kerana memang sudah bersedia untuk melepaskan jawatan masing-masing, tapi masih ramai pemimpin lain baik di peringkat tertinggi mahu pun pada peringkat akar umbi terutama dalam Umno sendiri yang masih berasa diri mereka relevan walaupun begitu banyak signal diberi

bahawa mereka perlu berundur. Apa pendapat anda?

Saya rasa ramai yang bukan tidak peka tapi mereka sengaja menutup mata kepada amaran atau signal, kerana selepas keputusan pilihan raya umum 1999, keperluan untuk perubahan itu semakin menonjol. Ramai pemimpin veteran yang sudah begitu lama dan kalah pada pilihan raya umum lalu perlu

insaf bahawa mereka perlu memberi laluan kepada orang lain. Mereka perlu sedar bahawa 70 peratus pengundi hari ini adalah terdiri daripada orang muda iaitu di bawah 40 tahun dan generasi inilah yang bakal menuntut perubahan dalam kepemimpinan baik di peringkat tertinggi atau akar umbi.

Generasi inilah juga yang akan mengundi dan bakal menentukan barisan kepemimpinan akan datang dan kemenangan parti. Sukar untuk menolak analisis bahawa pengundi mahukan kepimpinan generasi baru kerana hanya kepimpinan muda yang akan memahami aspirasi golongan muda iaitu golongan yang memiliki arus pemikiran seperti mereka.

Mereka menganggap jurang yang berlaku antara mereka dengan sebahagian besar kepemimpinan sekarang baik pada peringkat tertinggi mahu pun di akar

umbi terlalu jauh. Saya tidak mengatakan ini pandangan saya seorang tapi ini adalah persepsi majoriti golongan muda negara ini. Mereka berasakan pemikiran golongan tua ini sudah terlalu jauh dari mereka dan tidak memahami aspirasi dan kehendak mereka. Sebagai pemimpin yang baik, golongan lama mestilah memahami kehendak golongan yang hendak dipimpin.

Sejak akhir-akhir ini, terutama pada pilihan raya umum dan beberapa pilihan raya kecil lalu, pembangkang telah mendahului kita dengan meletakkan majoriti calon muda. Pas juga mempunyai pemimpin tua, tapi pada

pada masa yang sama kita lihat Setiausaha Agungnya diletakkan orang muda, begitu juga dengan DAP.

Jadi suka tidak suka ialah akan hakikat jika ingin menarik perhatian muda, calon atau pemimpin yang kita letak juga mesti dari golongan muda berwibawa. Sebab itu saya rasa apabila PM mula memasukkan generasi baru dalam barisan kepemimpinannya kerana beliau tahu majoriti rakyat mahupun perubahan.

Bagaimanapun hakikatnya ialah tidak ramai pemimpin veteran yang berfikiran seperti Perdana Menteri dan tindakan untuk melepaskan jawatan atau kuasa yang ada adalah igauan ngeri bagi mereka. Justeru, ramai yang berasa mereka terus relevan kepada parti dan rakyat. Bagaimana kita boleh

menyedarkan mereka ini?

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah menyampaikan mesej yang amat jelas ketika berada di Kelantan baru-baru ini.

Pak Lah kata Kelantan boleh menang jika golongan muda diberi peluang pada pilihan raya umum akan datang. Golongan muda yang mempunyai aspirasi dan matlamat untuk menawan Kelantan lega dengan pengumuman itu. Sebagai pemimpin yang bakal menjadi teraju utama negara, Pak Lah sudah pasti berasa keperluan untuk membuat perubahan.

Kenyataan Pak Lah disambut oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Negeri Terengganu, Datuk Idris Jusoh, yang menyatakan keyakinan bahawa Terengganu dapat ditawan semula jika calon-calon muda diletakkan di negeri itu. Ini adalah kenyataan daripada pemimpin yang berada di dua negeri dikuasai pembangkang. Jadi kesimpulannya ialah dua negeri ini boleh ditawan semula BN sekiranya darah muda disuntik dalam barisan kepimpinannya.

Mungkin jika saya berkata jika golongan lama bertanding di kedua-dua negeri itu, Umno akan kalah ia agak keterlaluan dan tidak adil... tapi kehadiran golongan muda dijangka boleh mengubah kedudukan politik Umno di Kelantan dan Terengganu. Tapi kehadiran golongan muda adalah penting untuk merapatkan jurang kelemahan yang ada sekarang.

Jadi kita harap pemimpin di semua peringkat perlu jujur dan menerima hakikat bahawa parti baik Umno mahupun komponen BN yang lain, ia memerlukan kepemimpinan generasi baru. Kalau selama mereka bercakap parti melebihi kepentingan peribadi, maka sudah tiba masanya untuk mereka menilai semula kepemimpinan mereka demi untuk parti dan negara. Tapi sekali lagi saya meminta supaya mereka jangan melihat golongan baru sebagai ancaman sebaliknya mereka perlu menganggap golongan ini boleh memantapkan lagi parti. Kalau mereka terus mementingkan diri sendiri dan cuba mempertahankan kepimpinan generasi lama, jika kita kalah pada pilihan raya akan datang... maka kesalahan akan dibebankan di bahu mereka.

Bagaimana dengan pemimpin lama yang berasa mereka masih relevan kepada parti dan negara, dan menganggap pemimpin muda penuh dengan retorik dan terlalu idealistik?

Contoh terbaik ialah sebuah negeri di mana golongan lama berasa mereka masih relevan dan akhirnya kita kalah di negeri itu. Ini adalah hakikat yang perlu diterima semua. Jika perubahan berlaku pada masa itu, mungkin senarionya tidak sama sekarang. Memang tidak dinafikan sesiapa yang duduk di kerusi pemimpin berasakan merekalah yang paling relevan... tapi kadang kadang mereka perlu terima hakikat walaupun mereka masih boleh menyumbang tapi jika mereka memberi laluan kepada orang lain, orang lain itu tidak mampu untuk melaksanakan tugas sebaik mereka.

Perlu saya ingatkan sekali lagi, bahawa semua pemimpin veteran yang ada sekarang juga berasal dari barisan muda. Pada masa itu, pemimpin veteran ketika itu juga menganggap mereka juga lebih penting dan relevan daripada

golongan ini. Tapi ternyata apabila orang lain mengambil alih mereka juga boleh melakukan tugas dengan baik. Setiap orang mesti mempunyai pemikiran bahawa jika ada yang mengambilalih tempat mereka, jika tidak lebih baik pun daripada mereka sekurang-kurangnya adalah penyambung kepada perjuangan sedia ada.

Kerana itu seperti saya kata tadi perlu ada penyediaan awal. Pemimpin muda yang telah bersedia mengambil alih barulah kita berikan tanggungjawab itu. Saya tidak kata apabila pilihan raya umum akan datang semua pemimpin lama tidak boleh bertanding. Kerana ramai juga pemimpin muda setempat yang belum bersedia untuk mengambil alih kepemimpinan. Tapi jangan sampai ada pemimpin bawahan yang menunggu bertahun-tahun sampai 'hilang' kerana yang di atas enggan memberi laluan.

Dalam hal ini bagaimana untuk memastikan pemimpin lama yang sepatutnya memberi laluan ini, disedarkan...

Dalam hal ini kepemimpinan tertinggi patut bersikap tegas dan tidak teragak-agak untuk menyenaraikan lebih ramai muka baru pada pilihan raya akan datang. Ini juga sekali gus akan mengubah wajah politik negara terutama Umno kerana pemilihan parti akan diadakan selepas pilihan raya umum.

Tapi ada juga kadangkala apabila kita sudah terlalu biasa dengan wajah-wajah lama ini timbul pula perasaan tidak percaya untuk meletak muka baru. Ini adalah suatu perkara yang natural. Tapi kehidupan ini terus berlalu, negara ini akan terus berjalan dan perubahan perlu berlaku.

Sebagai pemimpin muda, anda sudah pasti ingin melihat perubahan. Jadi apakah anda berharap perubahan membabitkan suntikan darah muda dalam kepemimpinan negara akan berlaku dalam jangka masa terdekat ini?

Ya, saya berharap ia dapat berlaku menjelang pilihan raya umum akan datang.

Dari segi misi Dr Mahathir untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang mampu bersaing di gelanggang antarabangsa, jadi saya rasa beban ini terletak di bahu pemimpin muda. Yang bakal menanggung dan merealisasikan cita-cita Wawasan 2020 adalah golongan muda. Hakikatnya ialah orang muda yang boleh dan akan memikirkan apa yang bakal berlaku dalam tempoh 20 tahun akan datang, jika saya sudah berusia 60 tahun adakah anda fikir saya akan memikirkan kemajuan yang bakal berlaku untuk tempoh itu... mungkin saya tidak lagi berada di sini. Jadi untuk merealisasikan matlamat jangka panjang itu adalah orang yang berusia 30 atau 40 tahun. Kalau Dr Mahathir hari ini bercakap mengenai Malaysia sebagai negara IT dalam tempoh 10 tahun, orang muda yang akan pastikan cita-cita itu tercapai.

Jika anda melihat trend sekarang perubahan kepemimpinan tertinggi bukan sahaja membabitkan komponen BN, bahkan ia juga membabitkan parti pembangkang. Adakah anda fikir golongan muda dalam BN cukup utuh untuk

menghadapi cabaran ini?

Jika anda berkata bagaimana untuk bersaing dengan mereka, jadi jawapan saya ialah perkara asas yang perlu dilakukan BN ialah menukarkan kepimpinan lama dengan kepimpinan muda. Hanya pemimpin muda mempunyai

keyakinan untuk menarik golongan muda. Tapi untuk menjadikan perkara itu satu realiti terserah kepada pemimpin tertinggi. Pemimpin tertinggi perlu

tegas dan berani. Dalam hal ini, apabila Pak Lah bercakap begitu di Kelantan saya berpendapat Pak Lah juga menyedari akan hakikat ini.

Beliau

mesti berani untuk membuat perubahan. Saya sedar perkara ini sudah pasti akan mendapat tentangan dari golongan veteran. Ahli Parlimen yang berusia

80 tahun pun akan berkata dia masih kuat dan relevan, dia juga boleh terus

masuk kampung dan hadir semua projek serta program dirancang. Jadi sebenarnya kita mesti mempunyai keberanian dan bersikap adil kepada diri sendiri dan parti bahawa masanya telah tiba untuk memberi laluan kepada yang lain. Tapi akhirnya terserah kepada kepimpinan tertinggi untuk membuat keputusan muktamad.

Pemuda Umno sendiri setiap kali perjumpaan dengan Perdana Menteri atau Pak Lah, sentiasa menegaskan bahawa golongan muda mesti diberi peluang...

kalau tidak kita akan ketinggalan. Kerana ketika ini orang muda nak masuk

Umno pun berfikir dua kali dan berpendapat bahawa Umno tidak ada tempat untuk orang muda. Mereka yang baru keluar universiti atau berusia bawah 40

tahun, melihat yang bertanding dan menjadi pemimpin berusia 50, 60, 70 tahun... jadi itu adalah satu penantian usia yang terlalu lama. Bukan kita

kata mereka tidak bagus, ramai yang berwibawa tapi kadang kadang cara kita

tidak betul. Jadi budak-budak muda berpendapat mereka perlu berada dalam parti selama 20 atau 30 tahun baru mendapat tempat di peringkat tinggi...

dan itu adalah terlalu lama. Kita bercakap mengenai majoriti pengundi iaitu 70 peratus, dan bila mereka berasa sukar untuk mendapat tempat dalam

Umno atau komponen BN lain, jadi mereka mencari alternatif lain untuk berjuang.

Lihat saja contoh kecil sebagai pelantikan Senator kebanyakan mereka adalah orang sudah berumur. Mereka yang dilantik adalah dari golongan tertentu yang sudah berumur semuanya berstatus `bekas'. Orang yang sepatutnya dilantik ialah orang yang `on the way up' bukannya `on the way

down'. Ini adalah perkara yang perlu satu perubahan di dalam sistem pentadbiran kita terutama jika kita inginkan sokongan dari golongan muda.

Justeru golongan muda akan pergi atau memilih parti mana yang memberi paling banyak ruang kepada mereka, itu yang akan mereka masuk.

Secara peribadi sebagai pemimpin muda apa yang ada rasa dengan senario yang berlaku di dalam Umno sekarang. Pemimpin muda dilihat terpaksa

menjaga terlalu banyak hati dan cuba untuk tidak bertindak keterlaluan jika tidak mahu dicantas.

Memang rasa kecewa. Tapi seperti anda tahu kami selalu menyabarkan diri dan mengambil sikap dan pandangan bahawa apa yang dilakukan oleh pemimpin lama adalah demi kepentingan parti dan negara. Jadi, jika tidak bersusah payah dari awal pun kita tidak akan dapat apa-apa. Tapi kami perlu memperingatkan diri setiap masa bahawa kami juga akan menjadi veteran satu masa nanti. Jadi orang lama jika mereka terpaksa memberi laluan bukan bermakna mereka tidak bagus atau tidak lagi boleh berjasa, tapi kerana kepentingan parti. Sebab ramai yang kecewa daripada muda sampai tua tak dapat menembusi halangan yang dibina oleh golongan veteran... tapi satu mereka tidak keluar parti semata-mata kerana tidak mendapat apa-apa.

Tapi satu hal lain juga perlu jelas bahawa keperluan untuk menukar kepada darah muda tidak semestinya hanya kerana sebab itu kita boleh menaikkan sesiapa saja. Yang kita hendak naikkan ialah orang muda yang berkemampuan dan bersedia untuk memikul tanggungjawab. Kerana itu kepemimpinan parti perlu menyediakan barisan pelapis dengan cara terbaik.

Hanya selepas melihat mereka bersedia baru mereka diberi tanggungjawab sewajarnya. Adalah tidak adil jika ada yang berpendapat hanya kerana ada veteran, maka bila ada orang muda anda kena keluar... tidak. Yang bagus dan masih berwibawa, dan jika yang veteran itu lebih baik daripada pemimpin muda, maka mereka harus dikekalkan. Tapi jika ada pemimpin muda yang bersedia untuk memikul tanggungjawab lebih besar, mereka patut diberi laluan dan peluang sewajarnya.

Bagaimana anda melihat Pak Lah sebagai bakal peneraju utama negara selepas Dr Mahathir perlu bertindak untuk memastikan barisan kepemimpinannya mempunyai cukup orang muda untuk meneruskan dinamisme Umno dan BN?

Beliau perlu benar-benar tegas dan berani. Ini adalah ujian baginya.